



ANTARA selebriti dan pengamal media yang menerima tawaran melanjutkan pelajaran di UUM bergambar pada majlis pelancaran program khas pengajian luar kampus (PLK) Universiti Utara Malaysia (UUM), semalam.

BH 23/7/2010 18 4

## Selebriti, pengamal media lanjut pelajaran di UUM

**K**UALA LUMPUR: Seramai 39 selebriti dan pengamal media menerima surat tawaran melanjutkan pengajian di Universiti Utara Malaysia (UUM) dalam usaha mengemaskinikan pengetahuan selain merealisasikan konsep pendidikan sepanjang hayat.

Program yang julung kali ditawarkan itu bertujuan memberi peluang golongan berkenaan melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah Sarjana Muda Komunikasi dan Hal Ehwal Antarabangsa di universiti itu.

Naib Canselor UUM, Prof

Dr Mohamed Mustafa Ishak, berkata pengajian empat tahun itu diberikan kepada artis, penggiat seni dan pengamal media.

Beliau berkata, masing-masing ditawarkan mengikuti pengajian Program Khas Sarjana Muda Komunikasi.

"Peserta perlu hadir satu atau dua kelas seminggu di kampus UUM di ibu negara bagi memudahkan mereka membahagiakan masa antara kuliah dan kerjaya.

"Kami gembira kerana artis mengambil peluang dan sanggup membahagikan

masa antara kerjaya seni dan pengajian," katanya pada sidang media selepas merasmikan majlis pelancaran program khas bagi pengajian peringkat sarjana muda di sini, semalam.

Turut hadir bekas pelajar UUM, Senator Tan Sri Dr Jins Shamsuddin dan penyanyi, Izwan Pilus.

Antara artis yang diterima melanjutkan pengajian komunikasi ialah Emelda Rosmila, Diddy Akademi Fantasia (AF), Akim AF, Zehra Zambri, Sheila Abdul, Noh Hujan, Hazama, Alif AF dan Yok Bunkface.